

AICHR:
Perkara yang Perlu Anda Tahu



PENGENALAN

Selama lima dekad penubuhannya, ASEAN sebagai organisasi antara kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat di rantau ini, terutamanya dalam aspek ekonomi, politik-keselamatan dan sosiobudaya. Hak asasi manusia menjadi bahagian penting bagi Komuniti ASEAN dan tergambar dalam Piagam ASEAN (Perkara 1.7, 2.2.i, dan 14), Rangka Tindakan Politik-Keselamatan ASEAN 2009-2015 (seksyen A.1.5), dan Rangka Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN 2025 (seksyen A.2.5).

Penubuhan badan-badan hak asasi manusia serantau oleh ASEAN mencerminkan komitmen teguhnya dalam menggalakkan serta melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi dan selanjutnya memastikan kesejahteraan hidup rakyatnya. Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN tentang Hak Asasi Manusia (ASEAN *Intergovernmental Commission on Human Rights* atau AICHR) dan Suruhanjaya ASEAN tentang Penggalakan dan Perlindungan Hak Asasi Wanita dan Kanak-Kanak (ASEAN *Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children* atau ACWC), masing-masing ditubuhkan pada tahun 2009 dan tahun 2010.

AICHR, selaku badan penaung hak asasi manusia dalam ASEAN dengan mandat rentas yang mengendalikan perkara berkaitan dengan kerjasama hak asasi manusia dengan Badan ASEAN, rakan kongsi luar dan pihak berkepentingan yang lain, telah menetapkan corak bagi kerjasama dalam penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dalam ASEAN. Namun begitu, berapa ramaikah orang di rantau ASEAN tahu tentang AICHR? Dan berapa ramai pula yang sedar bagaimana AICHR diwujudkan dan apakah mandat yang diamanahkan kepadanya? Buku kecil ini bertujuan memberikan fakta segera berkenaan dengan AICHR dan pembangunan hak asasi manusia di rantau ASEAN.

ASEAN

ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967, melalui majlis penandatanganan Deklarasi ASEAN (Deklarasi Bangkok) oleh lima ahli pengasas ASEAN: Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Keahlian tambahan lima negara—Brunei Darussalam (1984), Vietnam (1995), RDR Laos dan Myanmar (1997), serta Kemboja (1999)—meningkatkan bilangan Negara Anggota ASEAN kepada sepuluh.

Matlamat ASEAN, seperti yang terangkum dalam Piagam ASEAN, termasuk antara lain:

- Mengekalkan serta meningkatkan keamanan, keselamatan dan kestabilan dan seterusnya mengukuhkan nilai berorientasikan keamanan di rantau ini;
- Meningkatkan ketahanan serantau dengan menggalakkan kerjasama yang lebih besar dari segi politik, keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya.



- Memastikan bahawa rakyat dan Negara Anggota ASEAN hidup aman di dunia dalam persekitaran yang adil, demokratik dan harmoni;
- Mengurangkan kadar kemiskinan dan merapatkan jurang pembangunan dalam ASEAN dengan cara saling membantu dan bekerjasama;
- Mengukuhkan demokrasi, mempertingkat tadbir urus yang baik serta kedaulatan undang-undang dan menggalakkan serta melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi, dengan menghormati hak dan tanggungjawab Negara Anggota ASEAN;
- Membangunkan sumber manusia melalui kerjasama rapat dalam pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat, serta dalam sains dan teknologi, bagi pemerkasaan rakyat ASEAN dan pengukuhan Komuniti ASEAN;
- Meningkatkan kesejahteraan dan penghidupan rakyat ASEAN dengan menyediakan untuk mereka akses yang saksama kepada peluang bagi pembangunan manusia, kebajikan sosial dan keadilan;
- Menggalakkan ASEAN berorientasikan insan dengan merangsang semua sektor masyarakat menyertai, dan mendapat manfaat daripada proses integrasi ASEAN dan pembinaan komuniti;
- Mempromosi identiti ASEAN melalui penggalakan kesedaran lebih tinggi tentang kepelbagaian budaya dan warisan rantau ini;

Piagam ASEAN yang mula berkuat kuasa pada tahun 2008 memberikan status perundangan dan kerangka institusi bagi ASEAN. Piagam ini juga memastikan akauntabiliti dan kepatuhan serta menetapkan sasaran yang jelas bagi ASEAN melalui pengekodan norma, peraturan dan nilai ASEAN.


ASEAN komited untuk menuju Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015, dan menerima pakai "Hala Tuju bagi Komuniti ASEAN 2009-2015". Komuniti ini disokong oleh tiga Tonggak Komuniti, bersama dengan Rangka Tindakan masing-masing: Rangka Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (*ASEAN Political-Security Community Blueprint* atau APSC), Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community Blueprint* atau AEC), dan Rangka Tindakan Komuniti Sosiobudaya ASEAN (*ASEAN Socio-Cultural Community Blueprint* atau ASCC). Setiap Komuniti mempunyai Majlis Komunitinya sendiri yang menyelaras kerja bagi sektor berbeza di bawah skopnya.

Pada Sidang Kemuncak Ke-27 ASEAN di Kuala Lumpur, Malaysia, ASEAN mengalukan penubuhan secara rasmi Komuniti ASEAN dan menerima pakai "ASEAN 2025: Bersama Maju ke Hadapan", menyusuli Hala Tuju yang disebutkan sebelumnya. Komuniti ASEAN ini terdiri daripada Deklarasi Kuala Lumpur tentang ASEAN 2025: Bersama Maju ke Hadapan, Wawasan Komuniti ASEAN 2025, Rangka Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN 2025, Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 2025 dan Rangka Tindakan Komuniti Sosiobudaya ASEAN 2025. Dokumen penting ini akan merangka laluan untuk dekad akan datang bagi mengukuhkan lagi Komuniti ASEAN dan membolehkan komuniti yang padu dari segi politik, bersepadau dari segi ekonomi dan bertanggungjawab dari segi sosial



direalisasikan – sebuah ASEAN yang benar-benar berorientasi dan berpusatkan insan serta berdasarkan peraturan.

Sidang Kemuncak ASEAN, yang disertai oleh Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN, ialah badan penggubal dasar tertinggi dalam ASEAN. Mereka bertemu dua kali setiap tahun dalam Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN. Pemimpin-pemimpin ASEAN dibantu oleh Menteri Luar masing-masing yang bertemu dalam Majlis Penyelarasan ASEAN (ASEAN Coordinating Council atau ACC) dan dalam



Sekretariat ASEAN berperanan menyokong kerja dan usaha yang dilakukan oleh ASEAN. Sekretariat ASEAN diketuai oleh Setiausaha Agung ASEAN (yang setaraf dengan Menteri) dan dibantu oleh empat Timbalan Setiausaha Agung, satu bagi setiap Komuniti ASEAN dan satu bagi Hal Ehwal Komuniti dan Korporat ASEAN.

HAK ASASI MANUSIA DALAM AGENDA ASEAN

Pada tahun 1993, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengadakan Persidangan Dunia tentang Hak Asasi Manusia di Vienna, Austria. Negara Anggota ASEAN, pada ketika itu hanya terdiri daripada enam anggota, kesemuanya menyertai Persidangan Dunia itu. Persidangan itu berhasil merumuskan Deklarasi Vienna dan Program Tindakan.

Perkembangan hak asasi manusia dalam ASEAN



Deklarasi Bangkok (1967) >> Piagam ASEAN (2008) >> Penubuhan AICHR (2009)



Deklarasi Vienna & Pernyataan Bersama AMM Ke-26 (1993)
Rangka Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (2009)
Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (2012)

Susulan itu, Menteri Luar ASEAN dalam Pernyataan Bersama AMM Ke-26 (Julai 1993) mereka menyatakan seperti yang berikut:

16. *Menteri Luar mengalu-alukan kesepakatan antarabangsa yang dicapai semasa Persidangan Dunia tentang Hak Asasi Manusia di Vienna pada 14-25 Jun 1993, dan menegaskan sekali lagi komitmen ASEAN kepada hak asasi manusia dan kebebasan asasi serta menghormatinya sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Deklarasi Vienna pada 25 Jun 1993. Mereka menekankan kenyataan bahawa hak asasi manusia yang terdiri daripada hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya adalah saling berhubung kait dan tidak boleh dibahagi-bahagikan. Semua hak ini yang sama pentingnya wajar ditangani secara seimbang dan bersepadau dan dilindungi dan digalakkan seperti yang selayaknya untuk suasana budaya, sosial, ekonomi dan politik yang khusus. Mereka menegaskan bahawa penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia tidak sepatutnya dipolitikkan.*
17. *Menteri Luar bersetuju bahawa ASEAN sepatutnya menyelaraskan pendekatan bersama tentang hak asasi manusia serta menyertai dan menyumbang secara aktif kepada penggunaan, penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia. Mereka maklum bahawa Piagam PBB telah meletakkan persoalan pematuhan dan penggalakan hak asasi manusia dalam konteks kerjasama antarabangsa. Mereka menekankan bahawa pembangunan ialah hak yang tak boleh dipisahkan dan bahawa penggunaan hak asasi manusia sebagai persyaratan bagi kerjasama ekonomi dan bantuan pembangunan merosakkan kerjasama antarabangsa dan boleh melemahkan kesepakatan antarabangsa tentang hak asasi manusia. Mereka juga menekankan bahawa perlindungan dan penggalakan hak asasi manusia dalam komuniti antarabangsa perlu mengambil kira prinsip hormat-menghormati kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara. Mereka yakin bahawa kebebasan, kemajuan dan kestabilan nasional digalakkan dengan keseimbangan antara hak individu dengan hak komuniti, yang melalui hak individu direalisasikan, sebagaimana diperuntukkan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat.*
18. *Menteri Luar ASEAN meninjau dengan rasa puas hati kemajuan ASEAN yang besar dan berterusan dalam membebaskan rakyatnya daripada ketakutan dan kemiskinan, bagi membolehkan mereka hidup dalam keadaan bermaruah. Mereka menekankan bahawa pelanggaran hak asasi manusia mesti dibetulkan dan tidak patut dibiarkan berterusan walau dalam apa-apa keadaan sekalipun. Mereka selanjutnya menekankan kepentingan pengukuhan kerjasama antarabangsa dalam semua aspek hak asasi manusia dan bahawa semua kerajaan hendaklah menjunjung standard kemanusiaan dan menghormati*



maruah manusia. Berhubung dengan hal ini dan bagi menyokong Deklarasi dan Program Tindakan Vienna yang dirumuskan pada 25 Jun 1993, mereka bersetuju bahawa ASEAN hendaklah juga mempertimbangkan pembentukan mekanisme serantau yang bersesuaian tentang hak asasi manusia. Buat pertama kali, ASEAN bergerak ke arah pembangunan regim hak asasi manusia serantau.

Sidang Kemuncak Tak Rasmi ASEAN Kedua, yang diadakan di Kuala Lumpur pada 15 Disember 1997, menerima pakai Wawasan ASEAN 2020 yang menetapkan satu wawasan yang jelas untuk ASEAN pada tahun 2020: ASEAN sebagai Negara Asia Tenggara bersepadu, berpandangan jauh, hidup dalam aman, stabil dan makmur, disatukan oleh perkongsian dalam pembangunan dinamik dan dalam komuniti masyarakat penyayang. Demi melaksanakan wawasan jangka panjang ini, Rancangan Tindakan Hanoi (*Hanoi Plan of Action* atau HPA) 1997 dirangka.

Di Bawah Seksyen IV, perenggan 4.8 HPA, ASEAN beriltizam untuk meningkatkan pertukaran maklumat dalam bidang hak asasi manusia dalam kalangan negara ASEAN bagi menggalakkan serta melindungi semua hak asasi manusia dan kebebasan asasi semua orang selaras dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat serta Deklarasi dan Program Tindakan Vienna

Bagi menyokong realisasi Wawasan ASEAN 2020, Negara Anggota ASEAN merangka Program Tindakan Vientiane 2004. Dalam Program Tindakan ini, di bawah subseksyen 'Pembangunan Politik', Negara Anggota bersetuju untuk "menggalakkan hak asasi dan obligasi manusia".

Lima tahun kemudian, Negara Anggota ASEAN memutuskan untuk memacu pembentukan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015. Negara Anggota menerima pakai Hala Tuju bagi Komuniti ASEAN 2009-2015 dan tiga Rangka Tindakan Komuniti ASEAN.

Komponen Hak Asasi Manusia, yang dimasukkan dalam Program Tindakan Vientiane 2004 diulangi dalam Program Tindakan di bawah Rangka Tindakan Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN (APSC) 2009-2015, seksyen A.1.5. "Penggalakan dan Perlindungan Hak Asasi Manusia", mengandungi tujuh (7) garis tindakan.

Gambar

A/CHR dengan Jawatankuasa Wakil Tetap (CPR) ke ASEAN



Komitmen ASEAN untuk merealisasikan komuniti inklusif dan responsif yang memastikan rakyat menikmati hak asasi manusia dan kebebasan asasi ditekankan selanjutnya di bawah Rangka Tindakan APSC 2025, seksyen A.2.5 "Menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia, kebebasan asasi dan keadilan sosial bagi memastikan rakyat kita hidup bermaruah, aman, harmoni dan makmur" dengan garis tindakan yang berikut:

TINDAKAN:

- i. Menggalakkan Negara Anggota ASEAN mengukuhkan perundangan dan institusi domestik, menggalakkan pendidikan hak asasi manusia dan mengadakan perundingan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan;
- ii. Menggalakkan Negara Anggota ASEAN mengesahkan atau menyetujui instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa dan memastikan pelaksanaannya yang berkesan;
- iii. Menggalakkan Negara Anggota ASEAN meningkatkan pelibatan dengan PBB dan mekanisme hak asasi manusia yang berkaitan yang Negara Anggota ASEAN menjadi pihaknya, termasuk dengan Semakan Berkala Sejagat dan Badan Triti yang berkaitan dan juga perkongsian pengalaman dan amalan terbaik;
- iv. Menyokong Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN tentang Hak Asasi Manusia (AICHR) dalam melaksanakan mandatnya, selaras dengan Bidang Tugas (*Terms of Reference* atau TOR);
- v. Meningkatkan pertukaran maklumat tentang usaha untuk memajukan hak asasi manusia dan kebebasan asasi dalam kalangan Negara Anggota ASEAN selaras dengan Piagam ASEAN, Deklarasi Hak Asasi Manusia (*Human Rights Declaration* atau AHRD) dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimangunaan AHRD dan juga deklarasi dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang disertai oleh Negara Anggota ASEAN;
- vi. Mengukuhkan pelaksanaan AHRD dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimangunaan AHRD, termasuk penyebaran maklumat dan penggalakan kesedaran awam tentang Deklarasi ini;
- vii. Menggalakkan pengarusperdanaan hak asasi manusia merentas kesemua tiga tonggak Komuniti ASEAN, melalui perundingan dalam kalangan Badan Sektoral ASEAN yang berkaitan;
- viii. Menggalakkan interaksi dan perundingan, jika bersesuaian, dalam kalangan AICHR, Badan Sektoral ASEAN yang berkaitan dan pihak berkepentingan yang lain, termasuk CSO yang prihatin dengan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia;
- ix. Meneruskan kerja AICHR dalam mengendalikan penyelidikan kolaboratif tentang isu tematik hak asasi manusia selaras dengan TORnya;



- x. Meneruskan kerja AICHR dalam mendapatkan maklumat daripada Negara Anggota ASEAN tentang penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia;
- xi. Meningkatkan kesedaran awam tentang hak asasi manusia, dalam kalangan rakyat ASEAN, termasuk penerbitan laporan kemas kini berkala tentang aktiviti AICHR dan aktiviti maklumat awam oleh Badan Sektoral ASEAN yang berkaitan;
- xii. Menganggap, sebagai sesuai, semakan TOR bagi AICHR seperti yang dinyatakan dalam TOR, konsisten dengan maksud dan prinsip Piagam ASEAN, dengan tujuan untuk meningkatkan lagi penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dalam ASEAN;
- xiii. Mengukuhkan interaksi antara rangkaian mekanisme hak asasi manusia sedia ada dan juga CSO yang lain, dengan Badan Sektoral ASEAN yang berkaitan;
- xiv. Menggalakkan penyelarasan dan perundingan dalam kalangan Organisasi dan Badan ASEAN yang berkaitan dengan tujuan untuk mempertingkat pelaksanaan AHRD, Deklarasi Hanoi tentang Peningkatan Kebajikan dan Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak ASEAN serta Deklarasi Bali tentang Peningkatan Peranan dan Penyertaan Orang Kurang Upaya dalam Komuniti ASEAN, di samping mengekalkan garis pelaporan mereka; dan
- xv. Bekerjasama rapat dengan Badan Sektoral yang berkaitan, sambil mengekalkan garis pelaporan masing-masing, untuk mempercepat kerja Jawatankuasa ASEAN bagi Pelaksanaan Deklarasi tentang Perlindungan dan Penggalakan Hak Pekerja Hijrahan dalam membangunkan satu instrumen bagi memastikan hak pekerja hijrahan dilindungi sebaiknya di rantau ini menurut undang-undang, peraturan dan dasar Negara Anggota masing-masing.



AICHR

"Bersetujuan dengan tujuan dan prinsip Piagam ASEAN berkaitan dengan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi, ASEAN akan membentuk badan hak asasi manusia ASEAN" (Piagam ASEAN, Perkara 14).



Panel Peringkat Tinggi tentang Badan Hak Asasi Manusia ASEAN telah membuat draf Bidang Tugas bagi AICHR (TOR bagi AICHR), yang telah diterima pakai dalam Mesyuarat Menteri Luar ASEAN pada Julai 2009. Pada 23 Oktober 2009, sepuluh Wakil AICHR, satu daripada setiap Negara Anggota, dilantik dan AICHR dirasmikan pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-15 di Cha-Am Hua Hin, Thailand.

Dalam Deklarasi *Cha-Am Hua Hin tentang Perasmian AICHR*, para Pemimpin ASEAN menyatakan bahawa AICHR adalah sebahagian daripada kerjasama antara kerajaan dalam kalangan sepuluh Negara Anggota ASEAN untuk membentuk kerjasama serantau tentang hak asasi manusia. Penubuhan AICHR membuktikan komitmen ASEAN untuk merangka strategi pandang ke hadapan bagi mengukuhkan kerjasama serantau tentang hak asasi manusia. Badan ini dirangka untuk menjadi bahagian penting struktur organisasi ASEAN dan institusi penaung dengan tanggungjawab menyeluruh bagi penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dalam ASEAN.

Pembuatan keputusan oleh AICHR didasarkan pada perundingan dan kesepakatan. AICHR melibatkan diri dengan dialog dan perundingan dengan Entiti sekutu ASEAN, dan juga berunding dengan institusi dan entiti nasional, serantau dan antarabangsa berkenaan dengan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia.

AICHR mengadakan dua mesyuarat tetap dalam setahun dan mesyuarat tambahan jika dan apabila perlu. Badan ini telah menghasilkan beberapa dokumen asas sebagai rangka kerja dan asas bagi pengoperasionalisasinya seperti:

- Rancangan Kerja Lima Tahun AICHR 2010-2015, Rancangan Kerja Lima Tahun AICHR 2016-2020, dan belanjawan indikatif;
- Program/Aktiviti Keutamaan AICHR (2010-2011, 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017) dengan belanjawan tahunan masing-masing;
- Garis Panduan tentang Operasi AICHR (juga dikenali sebagai Garis Panduan AICHR);
- Aturan bagi Prosedur Dana AICHR (juga dikenali sebagai ROP Dana AICHR);
- Garis Panduan tentang Penstandardan Belanjawan;
- Garis Panduan tentang Lembaga Editorial Laman Web AICHR;
- Garis Panduan tentang Penjajaran antara AICHR dengan Badan Sektoral ASEAN yang berurusan dengan Hak Asasi Manusia;
- Garis Panduan tentang Hubungan AICHR dengan Pertubuhan Masyarakat Sivil; dan
- Aturan bagi Prosedur Akaun Program AICHR (juga dikenali sebagai ROP Akaun Program AICHR)



Gambar

Pertemuan Bersemuka antara Menteri Luar ASEAN dengan Wakil AICHR di Mesyuarat Menteri Luar ASEAN Ke-48

MANDAT DAN FUNGSI AICHR

TOR AICHR menyenaraikan empat belas (14) mandat AICHR.

- i. Membentuk strategi bagi penggalakan serta perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi untuk melengkapkan pembangunan Komuniti ASEAN;
- ii. Merangka Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN dengan tujuan untuk membentuk rangka kerja bagi kerjasama hak asasi manusia melalui pelbagai Konvensyen ASEAN dan instrumen lain yang membincangkan hak asasi manusia;
- iii. Meningkatkan kesedaran awam tentang hak asasi manusia dalam kalangan rakyat ASEAN melalui pendidikan, penyelidikan dan penyebaran maklumat;
- iv. Menggalakkan pembangunan kapasiti bagi pelaksanaan berkesan obligasi triti hak asasi manusia antarabangsa yang dijalankan oleh Negara Anggota ASEAN;
- v. Menggalakkan Negara Anggota ASEAN membuat pertimbangan bagi menyetujui dan meratifikasi instrumen hak asasi manusia antarabangsa;
- vi. Menggalakkan pelaksanaan penuh instrumen ASEAN yang berkaitan dengan hak asasi manusia;
- vii. Memberikan khidmat nasihat dan bantuan teknikal tentang hal ehwal hak asasi manusia kepada Badan Sektoral ASEAN apabila diminta;
- viii. Mengambil bahagian dalam dialog dan perundingan dengan Badan dan Entiti ASEAN lain yang berkaitan dengan ASEAN, termasuk organisasi masyarakat awam dan pihak berkepentingan yang lain, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab V Piagam ASEAN;
- ix. Mengadakan perundingan, mengikut mana-mana yang sesuai, dengan institusi dan entiti kebangsaan, serantau dan antarabangsa lain berkenaan dengan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia;
- x. Mendapatkan maklumat daripada Negara Anggota ASEAN tentang penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia;



- xi. Mewujudkan pendekatan dan pendirian bersama tentang perkara hak asasi manusia yang penting kepada ASEAN;
- xii. Menyediakan kajian tentang isu tematik hak asasi manusia dalam ASEAN;
- xiii. Mengemukakan laporan tahunan tentang aktivitinya, atau laporan lain jika dianggap perlu, kepada Mesyuarat Menteri Luar ASEAN; dan
- xiv. Melaksanakan apa-apa tugas lain yang mungkin diberikan oleh Mesyuarat Menteri Luar ASEAN.

Setiap Wakil AICHR dilantik oleh kerajaan masing-masing untuk tempoh tiga tahun dan boleh diperbaharui sekali sahaja. Wakil AICHR, dalam melaksanakan kewajipannya, hendaklah bertindak secara saksama, menurut Piagam ASEAN dan TOR AICHR.

TOR AICHR juga menetapkan garis pelaporan AICHR, pengendalian mesyuarat, peranan Pengerusi AICHR, proses pembuatan keputusan, penyiaran maklumat awam dan hubungan AICHR dengan badan hak asasi manusia yang lain dalam ASEAN.

TOR AICHR boleh diakses melalui asean.org. Anda juga boleh melayari Laman Web Serantau AICHR di aichr.org.

PROGRAM DAN AKTIVITI AICHR

Bidang keutamaan AICHR tentang hak asasi manusia boleh didapati dalam Rancangan Kerja Lima Tahun, yang didasarkan kepada 14 mandat AICHR yang digariskan dalam TOR. Setiap tahun, AICHR mengkhususkan program dan aktiviti berkeutamaan tingginya bagi tahun itu berdasarkan Rancangan Kerja dan sebagai respons kepada keperluan yang timbul tentang hak asasi manusia di rantau itu. AICHR telah menyempurnakan Rancangan Kerja Lima Tahun 2010-2015.

AICHR telah memulakan pelaksanaan Rancangan Kerja Lima Tahun 2016-2020 keduanya, yang telah disahkan pada AMM Ke-48. Rancangan Kerja Lima Tahun kedua dirangka berasaskan rancangan yang pertama untuk mengalakkkan lagi dan melaksanakan AHRD dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimaan AHRD. Rancangan ini juga bermatlamat untuk meningkatkan lagi sinergi antara AICHR dengan Organisasi dan Badan ASEAN yang berkaitan bagi mengarusperdanakan hak asasi manusia dalam tiga tonggak ASEAN.

Aktiviti AICHR dalam jangka masa pendek dan pertengahan termasuk, antara lain yang berikut:



- Melakukan penilaian keperluan bagi pembangunan kapasiti;
- Melengkapkan penilaian persediaan instrumen hak asasi manusia sedia ada yang telah disetujui dan diratifikasi oleh Negara Anggota ASEAN;
- Mengendalikan bengkel tentang pelbagai tema berkaitan dengan hak asasi manusia;

Gambar

Perundingan AICHR-SOMTC tentang Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia dalam Pelaksanaan Konvensyen ASEAN Menentang Pemerdagangan Manusia, Khususnya Wanita dan Kanak-Kanak (Approach in the Implementation of ASEAN Convention Against Trafficking in Persons, Especially Women and Children atau ACTIP) dan Rancangan Tindakan ASEAN Menentang Pemerdagangan Manusia, Khususnya Wanita dan Kanak-Kanak (ASEAN Plan of Action Against Trafficking in Persons, Especially Women and Children atau APA)

- Mengendalikan latihan tentang hak asasi manusia bagi kumpulan sasar khusus, seperti pegawai keajaan, pegawai penguatkuasaan undang-undang, wartawan, dan sebagainya;
- Mengukuhkan sokongan Sekretariat ASEAN untuk AICHR;
- Menyebarluaskan maklumat berkaitan dengan kerja AICHR termasuk penerbitan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan Negara Anggota ASEAN;
- Mengongsikan amalan terbaik tentang pelaksanaan berkesan obligasi triti hak asasi manusia antarabangsa dalam kalangan Negara Anggota ASEAN;

Gambar

Dialog Serantau tentang Pengarusperdanaan Hak Orang Kurang Upaya dalam Komuniti ASEAN

- Menyelaras dan mengadakan perundingan dengan Badan Sektoral ASEAN yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan berkesan instrumen ASEAN berkaitan dengan hak asasi manusia;
- Mengenal pasti perkara hak asasi manusia semasa dan berpotensi yang penting kepada ASEAN;
- Merangka rancangan tindakan, syor, atau kerangka dasar serantau ASEAN tentang hak asasi manusia bagi wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya untuk mengarusperdanakan dan meningkatkan hak asasi manusia merentas tonggak, organisasi dan badan Komuniti;
- Melibatkan diri dalam dialog dengan pihak berkepentingan serantau tentang isu hak asasi manusia yang muncul yang penting kepada ASEAN berkaitan dengan



penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia selaras dengan AHRD, Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimاغunaan AHRD dan TOR AICHR;

Gambar

Bengkel tentang Peralihan antara Wakil AICHR 2013-2015 dengan Wakil AICHR 2016-2018

- Mengendalikan kajian tentang isu tematik hak asasi manusia dalam ASEAN; dan
- Dialog dan perundingan dengan tiga Komuniti tentang aktiviti masing-masing dalam Wawasan Komuniti ASEAN 2025 dan Rangka Tindakan Komuniti 2025 berkenaan dengan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia.

Pada tahun kelapan kewujudannya, AICHR masih kekal teguh dalam usahanya ke arah peningkatan perkembangan hak asasi manusia dalam ASEAN. Mengakui bahawa penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dalam ASEAN hanya boleh ditangani secara holistik menerusi penyelarasan rapi antara institusi ASEAN, maka AICHR menerima pakai Garis Panduan tentang Penjajaran antara AICHR dengan Badan Sektoral ASEAN yang berurusan dengan Hak Asasi Manusia. Melalui penerimاغunaan Garis Panduan ini, AICHR bermatlamat untuk meningkatkan sinergi dan koheren dengan badan lain dalam ASEAN yang berurusan dengan hak asasi manusia, iaitu Suruhanjaya ASEAN tentang Penggalakan dan Perlindungan Hak Wanita dan Kanak-Kanak (ACWC), Jawatankuasa ASEAN tentang Wanita (ACW) dan juga Jawatankuasa ASEAN tentang pelaksanaan Deklarasi ASEAN tentang Perlindungan dan Penggalakan Hak Pekerja Hijrah (Promotion of the Rights of Migrant Workers atau ACMW). AICHR juga bekerjasama dengan Organisasi dan Badan ASEAN yang berkaitan tentang isu hak asasi manusia bersasaran, sebagai contoh dengan Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Jenayah Rentas Negara (Senior Officer Meeting against Transnational Crime atau SOMTC) tentang pemerdagangan orang.

DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA ASEAN (THE ASEAN HUMAN RIGHTS DECLARATION ATAU AHRD)

Perkara 4.2 TOR AICHR menyatakan bahawa AICHR diberi mandat untuk merangka satu Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) dengan tujuan membentuk kerangka kerjasama hak asasi manusia melalui pelbagai konvensyen ASEAN dan instrumen lain yang berurusan dengan hak asasi manusia.

Gambar

AICHR pada Upacara Penandatanganan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimاغunaan AHRD



Pada tahun 2011, AICHR mula menggunakan mandat ini dengan membentuk satu Kumpulan Perangka Draf bagi menyediakan draf asas AHRD. Sebaik sahaja menerima draf asas AHRD daripada Kumpulan Perangka Draf itu, AICHR menyerahkan Laporan Kemajuan pertamanya tentang pembentukan draf AHRD kepada AMM di Wacana Harmoni AMM pada Januari 2012. Dalam Laporan Kemajuan pertamanya, AICHR menetapkan cara pelaksanaan bagi membuat draf AHRD—yang termasuk menjadualkan mesyuarat secara tetap yang diperuntukkan bagi tujuan menyediakan draf AHRD, pelibatan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk pakar tentang hak asasi manusia, menyerahkan laporan kemajuan kepada AMM, dan menetapkan tarikh akhir penyerahan versi muktamad AHRD kepada AMM sebelum Sidang Kemuncak Ke-21 ASEAN pada November 2012.

Dalam menyediakan draf AHRD, AICHR berunding dan berdialog dengan wakil Badan Sektoral ASEAN, organisasi masyarakat sivil kebangsaan, serantau dan antarabangsa (CSO), dan pakar hak asasi manusia. AICHR amat menghargai penyertaan dan sumbangan perwakilan Badan Sektoral, CSO dan kalangan Pakar, yang membantu menjadikan draf AHRD satu deklarasi secara menyeluruh yang menggambarkan bukan sahaja aspirasi rakyat ASEAN, tetapi juga menambah nilai kepada norma dan standard hak asasi manusia dengan memasukkan hak menikmati keamanan, hak menikmati pembangunan dan menghindari stigma bagi mereka yang menderita penyakit berjangkit seperti HIV.

AICHR menyerahkan draf pertama AHRD kepada AMM ketika AMM Ke-45, pada Julai 2012. Dengan penyerahan draf pertama itu, AICHR meminta bimbingan dan arahan lanjut daripada AMM tentang langkah seterusnya dalam merangka draf AHRD. Draf kedua AHRD yang dimurnikan telah dibentangkan kepada Menteri Luar ASEAN semasa Mesyuarat Tidak Rasmi mereka (IAMM) pada September 2012, sebelum draf itu diserahkan kepada Ketua Negara ASEAN. Ketua Negara ASEAN menerima pakai AHRD pada bulan November 2012 dan menandatangi "*Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimagaunaan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN*" ("Pernyataan Phnom Penh"). AHRD ialah dokumen penting ASEAN, yang membentuk kerangka untuk lebih menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi di rantau ini. AHRD mewakili aspirasi dan keazaman Negara Anggota ASEAN dan rakyatnya untuk Komuniti ASEAN berorientasikan insan, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Piagam ASEAN. AHRD juga mencerminkan komitmen ASEAN terhadap Piagam PBB, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, Deklarasi dan Program Tindakan Vienna, serta instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang lain, yang dengannya Negara Anggota ASEAN menjadi pihak dan juga deklarasi dan instrumen ASEAN lain yang relevan berhubung dengan hak asasi manusia.

Memandangkan AHRD dan Pernyataan Phnom Penh begitu signifikan, AICHR memberikan keutamaan kepada penyebaran dokumen ini, termasuk, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dan kaitannya, mengendalikan terjemahannya ke dalam bahasa kebangsaan AMS dan memuat naik versi terjemahan ke Laman Web AICHR (aichr.org). AICHR juga berbincang dan berunding dengan Badan Sektoral ASEAN yang relevan berhubung dengan kemungkinan merangka instrumen



perundangan ASEAN tentang hak asasi manusia untuk melaksanakan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam AHRD.

Bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan beberapa dokumen ini, AICHR, dalam perkongsian dengan CPR, menganjurkan acara bersama bertemakan "Menyumbang kepada Pembinaan Komuniti ASEAN melalui Pelaksanaan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (*ASEAN Human Rights Declaration* atau AHRD)".

DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA ASEAN

Acara ini dianjurkan bersempena dengan Perayaan Hari ASEAN Ke-46 di Sekretariat ASEAN, Jakarta, Indonesia. Pada acara itu, AICHR juga melancarkan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimaan AHRD dan Terjemahannya" (Buku AHRD), yang mengandungi terjemahan AHRD ke dalam bahasa utama Negara Anggota ASEAN. Pelancaran ini disempurnakan dengan penyampaian Buku AHRD kepada wakil dari parlimen, organisasi perniagaan, badan pemikir dan kalangan akademik, organisasi masyarakat sivil, dan pemimpin pemuda. Semasa acara itu, panel perbincangan tentang "AHRD dan Pembinaan Komuniti ASEAN menjelang 2015" juga bersidang, dengan Wakil daripada AICHR dan CPR sebagai panel pembahas.

PELIBATAN AICHR DENGAN PIHAK LUAR

Sejak penubuhannya, AICHR telah menggerakkan usaha untuk menginstitusikan kerjasama dengan rakan kongsi luar pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Dialog dengan Suruhanjaya Antara-Amerika tentang Hak Asasi Manusia, Agensi Hak Asasi, Mahkamah Eropah bagi Hak Asasi Manusia, agensi kerajaan Kesatuan Eropah (EU), Jepun, dan Amerika Syarikat (U.S.) serta agensi/pemain lain termasuk CSO telah membuka jalan bagi AICHR untuk bekerjasama lanjut dengan pelbagai pihak berkepentingan pada semua peringkat.

AICHR telah mengadakan satu lawatan kajian ke AS pada November 2010 atas jemputan Presiden AS, Barack Obama. Kunjungan itu memberikan AICHR peluang yang tepat pada masanya untuk memberitahu kerajaan AS, agensi PBB berkaitan, organisasi dan CSO antarabangsa tentang kerja AICHR sejak perasmianya serta cadangan program dan aktiviti bagi tahun-tahun yang akan datang. Lawatan ini membolehkan berlakunya pertukaran pandangan tentang isu hak asasi manusia yang menjadi kebimbangan bersama dan meneroka kemungkinan bagi kerjasama pada masa depan dengan Jabatan Negara AS, agensi PBB berkaitan dan Suruhanjaya Antara-Amerika tentang hak asasi manusia dan CSO.

AICHR juga mengadakan lawatan kajian ke Eropah pada Mei 2011 atas jemputan Direktorat Jeneral Hubungan Luar Suruhanjaya Eropah. AICHR mengunjungi tiga bandar raya Eropah, iaitu Brussels, Strasbourg dan Vienna, serta bertemu dengan



pelbagai institusi Eropah yang berurusan dengan hak asasi manusia. Mereka bertemu dengan Perkhidmatan Tindakan Luar Eropah (*European External Action Service* atau EEAS) EU, Suruhanjaya Eropah, divisyen berkaitan Majlis Eropah, Agensi Hak Asasi dan Organisasi bagi Keselamatan dan Kerjasama dalam Eropah (*Organisation for Security and Cooperation in Europe* atau OSCE), khususnya mereka yang berurusan dengan Kebebasan Media, dan Wakil Khas OSCE dan Penyelaras bagi Membanteras Pemerdagangan Orang dalam Hak Asasi Manusia. Mereka juga bertemu dengan pelbagai CSO Eropah dan bertukar maklumat tentang aktiviti masing-masing.

Kunjungan kedua ke EU diadakan pada Oktober 2015. AICHR bersama-sama Pengerusi ACWC, ACW dan ACMW menyertai Dialog Dasar ASEAN-EU tentang Hak Asasi Manusia. Dialog dasar tentang hak asasi manusia ini pertama kali dianjurkan antara ASEAN dengan EU. Semasa dialog dasar ini, kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan secara terbuka dan membina tentang isu hak asasi manusia yang menjadi kepentingan bersama, dan hal tentang perkembangan terbaru hak asasi manusia dalam EU dan ASEAN, dan mengenal pasti bidang kerjasama hak asasi manusia yang berpotensi. Delegasi ASEAN bertemu dengan Ahli Parlimen Eropah, rangkaian Hak Asasi Manusia dan Demokrasi NGO yang beribu pejabat di Brussels. Mereka juga bertemu dengan pelbagai kalangan ahli perniagaan Eropah di meja bulat yang dianjurkan oleh The Shift dan CSR Eropah. Mereka menghadiri seminar tentang "Mekanisme Hak Asasi Manusia Pan Eropah" yang dihoskan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Belgium dengan penyertaan para perwakilan dari Majlis Eropah dan OSCE. Delegasi juga mengunjungi beberapa institusi Belgium yang berurusan dengan penghijrah, orang kurang upaya dan peluang yang sama.

Gambar

Delegasi ASEAN dalam Dialog Dasar ASEAN-EU tentang Hak Asasi Manusia

AICHR dijemput ke Jepun pada tahun 2014 untuk lawatan sambil belajar yang memberikan mereka peluang bertemu dengan beberapa interloktor penting. AICHR bertemu dengan Timbalan Menteri Kanan Parlimen bagi Hal Ehwal Luar, Timbalan Menteri bagi Dasar Luar dan Timbalan Ketua Setiausaha Kabinet/Setiausaha Agung Sekretariat Keselamatan Negara. AICHR juga bertemu dengan pakar hak asasi manusia dari Jepun seperti Dr. Yozo Yokota, Presiden, Pusat Pendidikan dan Latihan Hak Asasi Manusia dan ahli Suruhanjaya Kecil PBB tentang Penggalakan dan Perlindungan Hak Asasi Manusia, Duta Hal Ehwal PBB, Pengarah Institut Penyelidikan Hak Asasi Manusia Kyoto, antara lainnya. AICHR juga berpeluang melihat contoh penggajian orang kurang upaya Jepun bekerja di Isetan Mitsukoshi Soleil.

Pada tahun 2014, AICHR telah menganjurkan secara bersama beberapa aktiviti dan bengkel dengan pelbagai rakan kongsi luar yang prihatin dengan usaha penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia seperti Wanita PBB, Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Development Programme* atau UNDP),



Dana Populasi Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Population Fund* atau UNFPA), Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (*United Nations High Commissioner for Refugees* atau UNHCR), EU dan Kumpulan Kerja bagi Mekanisme Hak Asasi Manusia ASEAN.

AICHR juga bertemu dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hak Asasi Manusia, Cik Navanethem Pillay, pada Mesyuarat Ke-7 dalam bulan November 2011 di Bali, Indonesia, dan Wakil Khas EU bagi Hak Asasi Manusia, Encik Stavros Lambrinidis, pada Mesyuarat Ke-12 dalam bulan Mei 2013 di Sekretariat ASEAN.

AICHR telah beberapa kali bekerja dengan CSO, yang paling penting dalam perundingan semasa merangka draf AHRD, dan perundingan yang bertujuan menyumbang kepada semakan TOR AICHR. Tahun 2015 menandakan satu perkembangan signifikan tentang interaksi antara AICHR dengan CSO melalui penerimangunaan *Garis Panduan tentang Hubungan AICHR dengan Organisasi Masyarakat Sivil*. Garis Panduan ini menetapkan jenis dan kaedah pelibatan, dan dengan itu menginstitusikan lagi interaksi antara AICHR dengan CSO.

AICHR akan meneruskan pengoperasionalisasi Garis Panduan ini secara berkala demi kerjasama ASEAN yang kukuh dalam menggalakkan serta melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi. Senarai CSO yang telah diberikan Hubungan Konsultatif dengan AICHR boleh didapati di aichr.org.

PERKEMBANGAN SEJAK PENUBUHAN KOMUNITI ASEAN

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, AICHR begitu rancak merangka strategi bagi menggalakkan serta melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi bagi melengkapi pembinaan Komuniti ASEAN yang inklusif, berorientasi dan berpusatkan insan. Meskipun sebuah mekanisme hak asasi manusia paling baharu terbentuk, Komuniti ini telah menunjukkan pencapaian signifikan dalam mengembangkan hak asasi manusia di rantau ASEAN.

Pelaksanaan program AICHR telah beralih daripada program berdasarkan aktiviti ke arah pendekatan programatik sejak akhir tahun 2015, seperti pembangunan instrumen hak asasi manusia ASEAN yang sah dari segi undang-undang, dan interseksyen antara hak asasi manusia, persekitaran dan perubahan iklim.

AICHR juga telah meluaskan keutamaannya dengan memasukkan topik dan kumpulan sasar yang baharu, seperti hak menikmati keamanan, hak mendapatkan pendidikan, tanggungjawab sosial korporat dan hak asasi manusia, serta hak media dan hak asasi manusia. Pada Mac 2017, AICHR memulakan pelibatan pertamanya dengan badan kehakiman Negara Anggota ASEAN melalui *Kolokium Kehakiman AICHR tentang Perkongsian Amalan Baik Berkaitan Dengan Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa*.



Pelbagai kerjasama rentas-sektor dan rentas-tonggak telah dilakukan bagi memastikan hak asasi manusia diarusperdanakan dalam semua tiga tonggak ASEAN. Perundingan AICHR-SOMTC yang pertama tentang Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia kepada Pelaksanaan Konvensyen ASEAN Menentang Pemerdagangan Orang, Khususnya Wanita dan Kanak-Kanak (ASEAN Convention Against Trafficking in Persons, Especially Woman and Children atau ACTIP) telah diadakan pada September 2016, dan perundingan kedua dijadualkan bersidang pada hujung tahun 2017.

Gambar

Mesyuarat Ke-24 AICHR di Sekretariat ASEAN

Hak orang kurang upaya juga menjadi satu lagi keutamaan bagi AICHR. AICHR dalam kerjasama dengan Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Kebajikan Sosial dan Pembangunan (*Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development* atau SOMSWD) dan Suruhanjaya ASEAN tentang Penggalakan dan Perlindungan Hak Wanita dan Kanak-Kanak (ACWC) telah menubuhkan *Pasukan Petugas tentang Pengarusperdanaan Hak Orang Kurang Upaya dalam Komuniti ASEAN* dengan mandat untuk merangka draf Rancangan tindakan serantau tentang ketakupayaan. Perkara ini menandakan kerjasama pertama antara Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN dan tonggak Komuniti Sosio-Budaya ASEAN tentang ketakupayaan.

Aktiviti berikut akan dianjurkan oleh AICHR untuk memperingati Ulang Tahun Ke-50 ASEAN:

- Pelancaran Rancangan Tindakan Serantau tentang Mengarusperdanaan Hak Orang Kurang Upaya dalam Komuniti ASEAN.
- Debat Pemuda AICHR tentang Hak Asasi Manusia 2017 – Ulang Tahun Ke-50 ASEAN: Mengorak Langkah Bersama Ke Arah Komuniti Lestari

Sebuah Video tentang AICHR dan Kompendium dokumen teras AICHR terdiri daripada 1) AICHR: Buku Kecil tentang Perkara yang Perlu Anda Tahu, 2) Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimaan AHRD dan 3) Bidang Tugas AICHR juga akan dikeluarkan sebagai memperingati jubli emas ASEAN.

AKTIVITI AICHR

Gambar

Bengkel Latihan AICHR-ACWC berkenaan dengan Konvensyen PBB tentang Hak Kanak-Kanak (UN CRC), 13-14 Julai 2017, Singapura



Gambar

Kolokium Kehakiman AICHR tentang Perkongsian Amalan Baik berkaitan dengan Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, 13-15 Mac 2017, Kuala Lumpur, Malaysia

Gambar

Bengkel Serantau AICHR berkenaan dengan Pengukuhan Rancangan Tindakan Nasional tentang Pemerdagangan Orang bagi Memastikan Pelaksanaan Berkesan Konvensyen ASEAN Menentang Pemerdagangan Orang, Khususnya Wanita dan Kanak-Kanak (ACTIP) dan Rancangan Tindakan ASEAN Menentang Pemerdagangan Orang, Khususnya Wanita dan Kanak-Kanak (APA), 1-2 Disember 2016, Phnom Penh, Kemboja

Gambar

Seminar AICHR tentang Penggalakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Hak Asasi Manusia dalam ASEAN, 3-4 November 2016, Singapura

Gambar

Bengkel AICHR tentang Strategi Komunikasi Berkesan untuk Membanteras Pemerdagangan Orang, 23-24 Jun 2016, Nha Trang, Viet Nam

Gambar

Debat Belia AICHR tentang Hak Asasi Manusia, 5-6 September 2015, Singapura

Gambar

Program AICHR tentang Hak Asasi Manusia: Latihan Jurulatih bagi Wartawan dalam Negara Anggota ASEAN, 25-29 Julai 2015, Bangkok, Thailand



SOALAN LAZIM



SOALAN LAZIM

1. Apakah yang dimaksudkan dengan antara kerajaan?

A. Antara kerajaan bermaksud organisasi tersebut ditubuhkan melalui persetujuan dalam kalangan negara bangsa. Anggota organisasi terdiri daripada negara berdaulat (dirujuk sebagai Negara Anggota).

2. Mengapakah anggota AICHR dirujuk sebagai Wakil dan bukannya Pesuruhjaya?

A. Anggota AICHR merupakan Wakil Negara Anggota ASEAN, bertanggungjawab terhadap Kerajaan masing-masing, dilantik dengan mandat penuh, dan menghormati prinsip Piagam ASEAN, Bidang Tugas mereka, standard hak asasi manusia antarabangsa dan bertanggungjawab menggalakkan serta melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi rakyat ASEAN.

3. Apakah tugas AICHR?

A. Bidang Tugas (*Terms of Reference* atau TOR) AICHR menetapkan 14 mandat AICHR. AICHR ialah badan induk ASEAN dan institusi penaung bagi hak asasi manusia dengan tanggungjawab menyeluruh terhadap penggalakan serta perlindungan hak asasi manusia dalam ASEAN.

AICHR selaku institusi penaung dalam ASEAN bagi hak asasi manusia akan bekerjasama dengan Badan ASEAN lain dalam urusan berkaitan hak asasi manusia agar sejajar dengan kepentingan bidang sepunya AICHR serta Badan ASEAN yang lain. Melalui kerjasamanya dengan Badan ASEAN yang lain serta rakan luar, AICHR akan membangunkan kerjasama serantau tentang hak asasi manusia.

4. AICHR sering kali menggunakan istilah "penaung" apabila menerangkan tentang mandat mereka. Apakah ertiinya?

A. Walaupun terdapat Badan ASEAN yang lain dalam urusan berkaitan hak asasi manusia, seperti pihak yang mengkhusus tentang isu hak asasi wanita dan kanak-kanak atau pekerja hijrahan, AICHR mempunyai tanggungjawab menyeluruh dalam ASEAN untuk menggalakkan serta melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi. AICHR juga berurusan dengan semua kategori hak asasi manusia seperti hak berkaitan dengan politik, sivil, ekonomi, sosial dan budaya, termasuk hak pelbagai kumpulan yang berbeza.



5. Bagaimakah AICHR akan bekerjasama dengan entiti lain, seperti pertubuhan masyarakat sivil, pertubuhan bukan kerajaan, institusi hak asasi manusia kebangsaan, organisasi hak asasi manusia yang lain, termasuk PBB, badan sektor serantau serta sektor swasta?
 - A. Sebagai sebuah badan perunding, AICHR akan berunding dan bekerjasama dengan entiti lain sebagaimana yang dianggap wajar. AICHR perlu berpegang kepada suatu kaedah untuk melaksanakan pengaturan dengan pelbagai jenis organisasi atau entiti.
6. Jika hak asasi saya dicabuli, bolehkah saya mengemukakan rungutan saya kepada AICHR atau kepada Wakil AICHR di negara saya? Bagaimakah orang awam boleh berhubung dengan AICHR?
 - A. Sebagai sebuah badan antara kerajaan, AICHR menumpukan usahanya dalam kerjasama serantau bagi menggalakkan serta melindungi hak asasi manusia. Dalam Bidang Tanggungjawabnya pada masa ini yang ditandatangani pada Julai 2009 oleh Menteri Luar ASEAN, AICHR tidak mempunyai mandat untuk mengendalikan kes individu.

Gambar

Perjumpaan AICHR dengan Setiausaha Agung ASEAN

Organisasi atau individu boleh mengirimkan surat untuk perhatian AICHR melalui Pengerusi AICHR, dengan salinan kepada semua Wakil AICHR serta Sekretariat ASEAN.

7. Setakat manakah usaha AICHR menyumbang atau memberikan kesan kepada hak asasi manusia dalam rantau dan hak asasi manusia penduduk di rantau Asia Tenggara?
 - A. Kesan kepada hak asasi manusia boleh terhasil dengan mewujudkan kesedaran dalam kalangan penduduk ASEAN tentang hak mereka. Selain itu, pendekatan sistematik bagi kajian tematik dengan hasil yang boleh disampaikan kepada orang awam pastinya akan memberikan kesan kepada hak asasi manusia. Laporan tahunan AICHR yang dibentangkan kepada Menteri Luar, pendapat yang diberikan oleh AICHR, maklumat awam tentang usaha AICHR pastinya mampu memberikan kesan kepada hak asasi manusia.
8. AICHR seolah-olah memberikan tumpuan yang lebih kepada usaha untuk menggalakkan hak asasi manusia berbanding melindunginya, adakah hal ini benar?



A. AICHR bekerja atas dasar rundingan dan kesepakatan. Walau bagaimanapun, usaha untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia bukanlah suatu halangan, khususnya dalam memberikan didikan dan meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia kepada orang ASEAN. Galakan terhadap hak asasi manusia harus dilakukan selari dengan pembangunan lain bagi memastikan mekanisme perlindungan yang mantap dibentuk.

9. Apakah peranan Setiausaha Agung ASEAN dan Sekretariat ASEAN (ASEAN Secretariat atau ASEC)?

A. Setiausaha Agung ASEAN boleh mengetengahkan isu yang relevan untuk perhatian AICHR berkaitan dengan pelaksanaan tugas dan tanggungjawabnya menurut peruntukan Piagam ASEAN. Setiausaha Agung juga boleh menarik perhatian terhadap isu yang berkaitan dengan pelaksanaan perjanjian dan keputusan ASEAN.

Pada masa ini Sekretariat ASEAN berkhidmat sebagai sekretariat serantau AICHR. Sekretariat ASEAN memastikan terdapatnya saluran komunikasi yang berkesan antara AICHR dengan Badan ASEAN yang lain, pihak luar serta pihak berkepentingan lain yang relevan, dan juga menyebarkan maklumat tentang perkembangan terkini ASEAN dan AICHR kepada pihak yang berkenaan. Sekretariat ASEAN ialah penjaga Dana AICHR serta penyimpan rekod institusi ASEAN dan AICHR. Sekretariat ASEAN menyokong pelaksanaan Program/Aktiviti Keutamaan AICHR, serta mengusul, menaksir dan membantu merangka projek dan melaksanakan Rangka Kerja AICHR.

10. Bagaimanakah caranya untuk saya mendapatkan maklumat lanjut tentang AICHR?

A. Maklumat am dan berita terkini tentang ASEAN, termasuk siaran akhbar tentang AICHR, boleh diakses melalui asean.org. AICHR juga mempunyai laman web serantaunya sendiri, iaitu aichr.org.



**Wakil AICHR
2016-2018**



| 25


Wakil ke AICHR dipilih dan dilantik oleh Kerajaan masing-masing dengan pertimbangan sewajarnya diberikan terhadap kesaksamaan jantina, integriti dan kecekapan dalam bidang hak asasi manusia. Wakil AICHR mempunyai tempoh jawatan selama tiga tahun, dan boleh dilantik semula untuk satu penggal lagi.

WAKIL AICHR (2016-2018)

Brunei Darussalam

Tuan Yang Terutama Haji Nazmi bin Haji Mohamad

(sejak Jun 2017)



Pendidikan:

- Sarjana Muda Pengurusan, Universiti Brunei Darussalam.

Kerjaya:

- 2017: Wakil Brunei Darussalam ke AICHR.
- 2017: Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Pejabat Perdana Menteri.
- 2014: Ahli Lembaga bagi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (*Brunei Economic Development Board* atau BEDB).
- 2012: Setiausaha Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa), Kementerian Kewangan.
- 2012: Timbalan Pengerusi, Pusat Kajian Strategik dan Dasar (*Centre for Strategic and Policy Studies* atau CSPS).
- 2012: Timbalan Pengerusi Bersama, Tabung Amanah Pekerja.
- 2012: Pengerusi, Perbadanan Perlindungan Deposit Brunei Darussalam (*Brunei Darussalam Deposit Protection Corporation*).
- 2012: Pengerusi, Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah.
- 2012: Gabenor Ganti, Bank Pembangunan Asia (*Asian Development Bank* atau ADB).
- 2008: Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.
- 2008: Pengarah, Bahagian Perbelanjaan, Kementerian Kewangan.
- 2007: Penasihat kepada Pengarah Eksekutif Kumpulan Mengundi Asia Tenggara, Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund* atau IMF).
- 2004: Pegawai Pentadbir, Kementerian Kewangan.



- 2000: Pegawai Pentadbir, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
- 1997: Ahli Sekretariat Majlis Ekonomi Brunei Darussalam (*Brunei Darussalam Economic Council* atau BDEC).
- 1996: Pegawai Pentadbir, Pejabat Perdana Menteri.
- 1995: Pegawai Pentadbir (Tingkat Khas), Kementerian Kewangan.
- 1991: Pegawai Projek, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



Kemboja
Puan Yang Terutama Puan Polyne Hean

Gambar

Pendidikan:

- Sarjana Sastera dalam Demokrasi dan Tadbir Urus, Georgetown University, Amerika Syarikat.
- Sarjana Sastera dalam Kajian Pembangunan, University of East Anglia, United Kingdom.
- Sarjana Muda Sastera dalam Ekonomi, Royal University of Law and Economics, Kemboja.
- Sarjana Muda Pendidikan dalam Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (*Teaching English as a Foreign Language* atau TEFL), Royal University of Phnom Penh, Kemboja.

Kerjaya:

- Wakil Kemboja ke AICHR.
- Pengarah, Jabatan ASEAN, Pejabat Majlis Menteri.
- Ahli Lembaga, Kumpulan iAB.
- Naib Presiden, iAB Architecture and Construction Co.,Ltd.
- Pusat Tumpuan Kemboja, Jawatankuasa Nasional tentang NTM dan NTR.
- Ahli, Jawatankuasa Nasional untuk Membanteras Pemerdagangan Manusia.
- Ahli, Kumpulan Penyelidikan Hubungan Kemboja-China.



Indonesia

Puan Yang Terutama Dinna Wisnu, Phd.

Gambar

Pendidikan:


- Doktor Falsafah dalam Sains Politik, Ohio State University, Amerika Syarikat – dengan biasiswa penuh.
- Sarjana Sastera dalam Sains Politik, Ohio State University, Amerika Syarikat – dengan biasiswa penuh.
- Sarjana Muda Sastera dalam Hubungan Antarabangsa, Universiti Indonesia, Jakarta-Indonesia.

Kerjaya:

- 2017 - kini: Pengasas bersama & Pengarah, Atma Jaya Institute of Public Policy.
- 2015: Pengasas bersama & Ahli, Pusat Perlindungan Sosial & Program Ijazah Sarjana dalam Perlindungan Sosial, Universiti Indonesia.
- 2009 - kini: Penasihat kepada Kerajaan Indonesia dan terlibat dalam pelbagai aktiviti berkaitan ekonomi politik dan diplomasi.
- September 2008-2017: Pengasas bersama & Pengarah, Sekolah Siswazah Diplomasi Paramadina & Sekolah Siswazah Paramadina.
- 2007 - 2008: Pengarah Penyelidikan, Pusat Penyelidikan Kerjasama Asia Timur (*Center for East Asia Cooperation Studies*), Universiti Indonesia.
- 2007 - 2008: Timbalan Pengarah & Pakar Masyarakat Sivil, Projek RESPECT tentang Pluralisme Agama dan Sosial, Ekuiti dan Toleransi (World Learning & USAID).
- 2001 - 2007: Pembantu Pengajar, Jabatan Sains Politik, Ohio State University, Amerika Syarikat.
- 1998 - 2001: Institut Demokratik Nasional.
- 1996 - 1998: Akhbar Mingguan Suara Karya.



Republik Demokratik Rakyat Lao
Tuan Yang Terutama Phoukhong Sisoulath



Pendidikan:

- Sarjana Sastera dalam Undang-Undang Antarabangsa, Moscow State Institute of International Relations (MGIMO).
- Diploma Pascasiswazah dalam Undang-Undang Antarabangsa, Nottingham University.
- Ijazah Lanjutan dalam Lao National Academy of Politics and Public Administration.
- Alumni, Fulbright American Studies Institute: Pembaharuan Sejarah Amerika dan Undang-undang di Boston College.

Kerjaya:

- 2015: Ahli Delegasi Lao untuk Pusingan Kedua Semakan Berkala Sejagat (*Universal Periodic Review* atau UPR) Majlis Hak Asasi Manusia PBB.
- Sejak 2014: Ketua Output 5: Undang-undang Antarabangsa dan Hak Asasi Manusia, Rancangan Induk Sektor Perundangan tentang Kedaulatan Undang-undang.
- Sejak 2014: Ketua Sekretariat, Jawatankuasa Pemandu Nasional Lao tentang Hak Asasi Manusia.
- Sejak 2014: Ketua Pengarah, Jabatan Triti dan Undang-undang, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- 2014: Peserta Program Pelawat Kesatuan Eropah (*EU Visitor Programme* atau EUVP).
- Sejak 2013: Wakil Republik Demokratik Rakyat Lao ke AICHR.
- 2011-2012: Pembantu kepada Wakil Republik Demokratik Rakyat Lao ke AICHR, kemudiannya Wakil Ganti Republik Demokratik Rakyat Lao ke AICHR.
- 1996-2010: Menyertai Jabatan Triti dan Undang-undang, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, melaksanakan tugas dalam beberapa jawatan, termasuk Pegawai Tugas, Pegawai Undang-Undang, Pegawai Hak Asasi Manusia, Timbalan Pengarah Bahagian Hal Ehwal Perundangan, Pengarah Bahagian Triti Pelbagai Hala, Pengarah Bahagian Hak Asasi Manusia, Timbalan Ketua Pengarah, Pengurus Projek Nasional bagi Projek Undang-Undang Antarabangsa Fasa I, II dan III.



Malaysia

Tuan Yang Terutama Edmund Bon Tai Soon

Gambar

Kerjaya:

- Sarjana Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, University of Oxford, England (Biasiswa British Chevening).
 - Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian, University College of London, England (Biasiswa Malaysia).
-
- 2016: Ketua Firma (Sivil), AmerBON Advocates, Kuala Lumpur.
 - 2014-2016: Ketua Firma, BON Advocates, Kuala Lumpur.
 - 2012-2014: Rakan kongsi, Chooi & Company, Peguam bela & Peguam cara, Kuala Lumpur.
 - 2002-2012: Peguam Kanan, Chooi & Company, Peguam bela & Peguam cara, Kuala Lumpur.
 - 1998-2002: Peguam, Chooi & Company, Peguam bela & Peguam cara, Kuala Lumpur.
 - 2011: Pengasas bersama Pusat Perlembagaan dan Hak Asasi Manusia Malaysia (*Malaysian Centre for Constitutionalism & Human Rights* atau MCCHR).
 - 2010: Pengarang bersama *Halsbury's Laws of Malaysia* tentang "Citizenship, Immigration, National Security & Police" (Jilid 27).
 - 2016-2017: Pengerusi, Jawatankuasa Inovasi dan Masa Depan Undang-undang, Majlis Peguam.
 - 2009-2011: Pengerusi, Jawatankuasa Undang-undang Perlembagaan, Majlis Peguam.
 - 2007-2009: Pengerusi, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Majlis Peguam.
 - 2006-2008: Pengerusi, Jawatankuasa Peguam Muda Kebangsaan, Majlis Peguam.
 - 2006-2011; 2016-2017: Ahli terpilih, Majlis Peguam, Malaysia.
 - 2006-2008: Ahli sekretariat, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM).
 - 2006: Pengasas bersama *blawg* (blog perundangan), www.loyarburok.com.
 - 2005-2008: Penasihat Undang-Undang, Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Pelarian (*United Nations High Commissioner for Refugees* atau UNHCR).
 - 2004-2014: Ahli, Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (*National Human Rights Society* atau HAKAM).



- 1998-2017: lebih daripada 60 kes hak asasi manusia dan kepentingan awam dilaporkan dalam media dan jurnal undang-undang, dan lebih daripada 900 jam program latihan dan pembangunan kapasiti dikendalikan dalam negara dan serantau.
- 1998: Peguam bela & Peguam cara, Mahkamah Tinggi Malaya (Didafatraikan sebagai peguam Badan Peguam Malaysia pada Jun 1998).
- 1997: Barister Muda, Honourable Society of Lincoln's Inn (Didafatraikan sebagai peguam England & Wales pada September 2007).



Myanmar

Tuan Yang Terutama Duta Besar Hla Myint

Gambar

Penddikan:

- Sarjana dalam Polisi Awam, John Hopkins University, Amerika Syarikat.
- Sarjana Muda Sastera, Yangon University.

Kerjaya:

- 2015: Wakil Myanmar ke Pasukan Petugas Tahap Tinggi (*High Level Task Force* atau HLTF) tentang Visi Pasca 2015 Komuniti ASEAN.
- 2008-kini: Forum Serantau Pakar dan Orang Berpengaruh ASEAN.
- 2011-2012: Pakar dan Orang Berpengaruh Myanmar ke ASEAN-Amerika Syarikat.
- 2011-2014: Ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Myanmar.
- 2008-2010: Duta Besar Istimewa dan Mutlak ke Komanwel Australia dan New Zealand.
- 2006-2008: Ketua Pengarah, Jabatan Organisasi dan Ekonomi Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- Ketua Pengarah, Jabatan Latihan Penyelidikan dan Bahasa Asing, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- 2005-2006: Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Organisasi dan Ekonomi Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- 2002-2005: Menteri Penasihat, Kedutaan Myanmar, Pretoria, Afrika Selatan.
- 1998-2002: Pengarah, Jabatan Organisasi dan Ekonomi Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- 1992-1998: Setiausaha Pertama, Misi Tetap Myanmar New York, Amerika Syarikat.
- 1988-1992: Penolong Pengarah, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- 1984-1988: Setiausaha Ketiga, Misi Tetap Myanmar, Geneva, Switzerland.
- 1980: Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- 1974-1980: Kementerian Dalam Negeri.
- 1970-1974: Kementerian Pendidikan.



Filipina

Tuan Yang Terutama Leo M. Herrera-Lim

(sejak Disember 2016)

Gambar

Pendidikan:

- Sarjana Muda Undang-Undang, University of the Philippines.
- Sarjana Muda Sastera, Jurusan Ekonomi (dengan kepujian), University of the Philippines.

Kerjaya:

- Mei 2017-kini: Timbalan Setiausaha, Pejabat Setiausaha Rendah bagi Hubungan Ekonomi Antarabangsa, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri.
- Julai 2016-Mei 2017: Penolong Khas Kanan, Pejabat Setiausaha Rendah bagi Hubungan Ekonomi Antarabangsa, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri.
- 2014-2016: Konsul Besar, Konsulat Jeneral Filipina di Los Angeles, California.
- 2010-2014: Konsul Besar, Konsulat Jeneral Filipina di Chicago, Illinois.
- 2008-2010: Penolong Khas, Pejabat Setiausaha Rendah Hal Ehwal Luar Negeri (Dasar).
- 2000-2008: Setiausaha Pertama & Konsul, kemudiannya Menteri & Konsul Besar, Kedutaan Filipina di London, United Kingdom.
- 1998-2000: Penolong Khas, Pejabat Setiausaha Rendah Hal Ehwal Luar Negeri (Pentadbiran).
- 1991-1998: Setiausaha Ketiga, kemudian Setiausaha Kedua dan Konsul, Kedutaan Filipina di Washington, D.C.
- 1989-1991: Pengarah, Bahagian Amerika Syarikat, Pejabat Hal Ehwal Amerika, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri.
- 1988-1991: Penolong Pengarah, Bahagian Triti, Pejabat Hal Ehwal Perundangan, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri.



Singapura

Tuan Yang Terutama Duta Besar Barry Desker

Gambar

Pendidikan:

- Sarjana Sastera, University of London (*Ford Foundation Fellowship*).
- Sarjana Muda Sastera (Kepujian Kelas Pertama), University of Singapore (Biasiswa Presiden).

Kerjaya:

- Ahli Majlis Presiden bagi Hak Minoriti.
- Duta Bukan Pemastautin Singapura ke *Holy See* dan Sepanyol.
- Pakar dan Orang Berpengaruh (EEP) Singapura, Forum Wilayah ASEAN.
- Ahli Lembaga Pengarah *Lee Kuan Yew Exchange Fellowship*.
- Timbalan Pengurus, *Trilateral Commission*.
- Ahli Lembaga Pentadbiran Institusi Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur.
- Felo Utama di RSIS.
- 2007-2014: Dekan *Rajaratnam School of International Studies*, Nanyang Technological University.
- 2000-2014: Pengarah Institut Kajian Pertahanan dan Strategik (*Institute of Defence and Strategic Studies* atau IDSS).
- 1994-2000: Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Perdagangan.
- 1986-1993: Duta Besar Singapura ke Indonesia.
- 1984-1986: Timbalan Setiausaha dan Pengarah, Bahagian Dasar, Perancangan dan Analisis, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- 1982-1984: Timbalan Wakil Tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York.



Thailand

Tuan Yang Terutama Dr Seree Nonthasoot

Gambar

Pendidikan:

- Doktor Falsafah, University of Oxford, England, United Kingdom.
- Sarjana Perundangan (Undang-Undang Eropah dan Perbandingan), University of Oxford (Biasiswa Chevening).
- Sarjana Perundangan (Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa), Columbia University School of Law, New York, Amerika Syarikat (Biasiswa Fulbright).
- *Barrister-at-Law, Bar Association of Thailand.*
- Sarjana Muda Undang-undang, Thammasat University, Bangkok, Thailand.

Kerjaya:

- Wakil Thailand ke AICHR [www.AICHR.or.th].
- Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Audit, SME Development Bank of Thailand.
- Pengarah dan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Audit, KTB Law Co., Ltd.
- Pengarah, Krungthai Computer Services, Co., Ltd.
- Naib Presiden Eksekutif Kanan, Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar Negeri (*Institute of Research and Development for Public Enterprises* atau IRDP) [www.IRDP.org].
- 2004-Sekarang: Pensyarah khas di *Thammasat University*, Fakulti Undang-undang.
- 1999-Sekarang: Pensyarah khas Ijazah Sarjana dalam Kajian Hak Asasi Manusia (Program Antarabangsa), Universiti Mahidol.
- 2011: Ahli, Kumpulan Penggubal Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN.
- 2003-2013: Peguam, Pejabat Dasar Perusahaan Negeri, Kementerian Kewangan.
- 1995-2000: Penasihat Undang-undang, Pejabat Dewan Negara, Pejabat Perdana Menteri.



Vietnam

Puan Yang Terutama Duta Besar Nguyen Thi Nha

Gambar

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana dalam Undang-undang dan Diplomasi—Tufts University, Fletcher School of Law & Diplomacy, Massachusetts, Amerikat Syarikat.
- Diploma TESOL - Canberra, Australia.
- Ijazah Sarjana Muda dalam Hubungan Antarabangsa, Akademi Diplomatik Vietnam – Hanoi.

Kerjaya:

- 2016-2018: Duta Besar, Wakil Vietnam ke AICHR.
- Sejak 2013: Duta Besar, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Vietnam.
- 2011-2014: Ketua Pengarah, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.
- 2011-2014: Ketua Konsul Vietnam ke Hong Kong & Macau - Wilayah Pentadbiran Khas China.
- 2005-2008: Penasihat Menteri, Timbalan Ketua Misi, Kedutaan Vietnam ke United Kingdom dan Ireland Utara.
- 1995-1999: Setiausaha Pertama, Misi Tetap Vietnam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York, Amerika Syarikat.
- 1990-1992: Setiausaha Ketiga, Misi Tetap Vietnam ke Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan organisasi antarabangsa yang lain di Geneva, Switzerland.
- 1980-1990: Pegawai, Jabatan Urusan Am dan Organisasi Antarabangsa.



**Wakil AICHR
2013-2015**



| 38

WAKIL AICHR (2013-2015)

Brunei Darussalam

Tuan Yang Terutama Pehin Dato Dr Awang Hj Ahmad bin Hj Jumat

Kemboja

Tuan Yang Terutama Sun Thirith

Indonesia

Tuan Yang Terutama Rafendi Djamin

Republik Demokratik Rakyat Lao

Tuan Yang Terutama Phoukhong Sisoulath

Malaysia

Tuan Yang Terutama Tan Sri Dr Muhammad Shafee Abdullah

Myanmar

Tuan Yang Terutama Duta Besar Kyaw Tint Swe

Filipina

Puan Yang Terutama Duta Besar Rosario Gonzalez Manalo

Singapura

Puan Yang Terutama Duta Besar Chan Heng Chee

Thailand

Tuan Yang Terutama Dr Seree Nonthasoot

Vietnam

Puan Yang Terutama Le Thi Thu



**Wakil AICHR
2009-2012**



WAKIL AICHR (2009-2012)

Brunei Darussalam

Tuan Yang Terutama Pehin Dato Dr Awang Hj Ahmad bin Hj Jumat (sejak November 2011)

Kemboja

Tuan Yang Terutama Dr Om Yentieeng

Indonesia

Tuan Yang Terutama Rafendi Djamin

Republik Demokratik Rakyat Lao

Tuan Yang Terutama Bounkeut Sangsomsak

Malaysia

Tuan Yang Terutama Dato' Sri Dr Muhammad Shafee Abdullah

Myanmar

Tuan Yang Terutama Duta Besar Kyaw Tint Swe

Filipina

Puan Yang Terutama Duta Besar Rosario Gonzalez Manalo

Singapura

Tuan Yang Terutama Richard Magnus

Thailand

Puan Yang Terutama Dr Sriprapha Petcharamesree

Vietnam

Tuan Yang Terutama Duta Besar Nguyen Duy Hung
(sejak November 2010)

Diakui sebagai Terjemahan yang Sah daripada
Dokumen yang dibekalkan oleh Pelanggan



Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Institut Terjemahan & Buku Malaysia
Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E,
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
MALAYSIA
www.itbm.com.my
(276206D)

Disahkan bagi pihak ITBM
Che Norhasimah Abd Hamid

Editor Kanan

Tandatangan :

No. Rujukan : SRF-130340

Tarikh : 17 NOV 2021

**SURUHANJAYA
ANTARA KERAJAAN ASEAN
TENTANG HAK ASASI MANUSIA
(Bidang Tugas)**



Bidang Tugas Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Tentang Hak Asasi Manusia

Menurut Perkara 14 Piagam ASEAN, Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Tentang Hak Asasi Manusia (*ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights* atau AICHR) hendaklah beroperasi menurut Bidang Tugas (*Terms Of Reference* atau TOR) yang berikut:

1. TUJUAN

Tujuan AICHR adalah:

- 1.1. Untuk menggalakkan serta melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi rakyat ASEAN;
- 1.2. Untuk mempertahankan hak rakyat ASEAN untuk hidup dalam aman, bermaruah dan makmur;
- 1.3. Untuk menyumbang kepada usaha merealisasikan tujuan ASEAN sebagaimana yang dinyatakan dalam Piagam ASEAN bagi mengekalkan kestabilan dan keharmonian di rantau ini, memupuk persahabatan dan kerjasama dalam kalangan Negara Anggota ASEAN, dan juga kesejahteraan, kehidupan, kebajikan dan penyertaan rakyat ASEAN dalam proses pembangunan Komuniti ASEAN;
- 1.4. Untuk menggalakkan hak asasi manusia dalam konteks serantau, dengan mengingati kekhususan nasional dan serantau serta saling hormat-menghormati latar belakang sejarah, budaya dan agama yang berlainan, selain mempertimbangkan keseimbangan antara hak dengan tanggungjawab;
- 1.5. Untuk meningkatkan kerjasama serantau dengan tujuan melengkapkan usaha nasional dan antarabangsa dalam menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia; dan
- 1.6. Untuk mempertahankan standard hak asasi manusia antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan oleh Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, Deklarasi dan Program Tindakan Vienna, serta instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang Negara Anggota ASEAN menjadi pihaknya.

2. PRINSIP

AICHR hendaklah berpandukan prinsip yang berikut:

- 2.1. Menghormati prinsip ASEAN sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 2 Piagam ASEAN, khususnya:



- a) menghormati kemerdekaan, kedaulatan, kesamarataan, keutuhan wilayah dan jati diri bangsa kesemua Negara Anggota ASEAN;
 - b) tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman Negara Anggota ASEAN;
 - c) menghormati hak setiap Negara Anggota untuk memerintah negaranya sendiri, bebas daripada campur tangan luar, subversi dan paksaan;
 - d) mematuhi kedaulatan undang-undang, tadbir urus yang baik, prinsip demokrasi dan kerajaan berperlembagaan;
 - e) menghormati kebebasan asasi, menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia, serta menggalakkan keadilan sosial;
 - f) mendukung Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa, termasuk undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang ditandatangani oleh Negara Anggota ASEAN; dan
 - g) menghormati budaya, bahasa dan agama rakyat ASEAN yang berlainan, di samping menitikberatkan nilai bersama dengan semangat kesepakatan dalam kepelbagaiannya.
- 2.2. Menghormati prinsip hak asasi manusia antarabangsa, termasuk kesejagatian, ketakterbahagikan, kesalingbergantungan dan kesalingkaitan segala hak asasi manusia dan kebebasan asasi, serta kesaksamaan, keobjektifan, tanpa sikap memilih, tanpa diskriminasi, serta mengelak dwistandard dan pempolitikan;
- 2.3 Menyedari bahawa tanggungjawab utama untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia serta kebebasan asasi terletak pada setiap Negara Anggota;
- 2.4 Melaksanakan pendekatan konstruktif dan bukan konfrontasi serta kerjasama untuk meningkatkan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia; dan
- 2.5 Menerima pakai pendekatan berevolusi yang akan menyumbang kepada pembangunan norma dan standard hak asasi dalam ASEAN.

3. BADAN PERUNDING ANTARA KERAJAAN

AICHR ialah badan antara kerajaan dan bahagian penting dalam struktur organisasi ASEAN. AICHR merupakan sebuah badan perunding.



4. MANDAT DAN FUNGSI

- 4.1. Untuk membentuk strategi bagi penggalakan serta perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi untuk melengkapkan pembangunan Komuniti ASEAN;
- 4.2. Untuk merangka Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN dengan tujuan untuk membentuk rangka kerja bagi kerjasama hak asasi manusia melalui pelbagai konvensyen ASEAN dan instrumen lain yang membincangkan hak asasi manusia;
- 4.3. Untuk meningkatkan kesedaran awam tentang hak asasi manusia dalam kalangan rakyat ASEAN melalui pendidikan, penyelidikan dan penyebaran maklumat;
- 4.4. Untuk menggalakkan pembangunan kapasiti bagi pelaksanaan berkesan obligasi triti hak asasi manusia antarabangsa yang dijalankan oleh Negara Anggota ASEAN;
- 4.5. Untuk menggalakkan Negara Anggota ASEAN membuat pertimbangan bagi menyetujui dan meratifikasi instrumen hak asasi manusia antarabangsa;
- 4.6. Untuk menggalakkan pelaksanaan penuh instrumen ASEAN yang berkaitan dengan hak asasi manusia;
- 4.7. Untuk memberikan khidmat nasihat dan bantuan teknikal tentang hal ehwal hak asasi manusia kepada badan sektoral ASEAN apabila diminta;
- 4.8. Untuk mengambil bahagian dalam dialog dan perundingan dengan badan dan entiti ASEAN lain yang berkaitan dengan ASEAN, termasuk organisasi masyarakat awam dan pihak berkepentingan yang lain, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab V Piagam ASEAN;
- 4.9. Untuk mengadakan perundingan, mengikut mana-mana yang sesuai, dengan institusi dan entiti kebangsaan, serantau dan antarabangsa lain berkenaan dengan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia;
- 4.10. Untuk mendapatkan maklumat daripada Negara Anggota ASEAN tentang penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia;
- 4.11. Untuk mewujudkan pendekatan dan pendirian bersama tentang perkara hak asasi manusia yang penting kepada ASEAN;
- 4.12. Untuk menyediakan kajian tentang isu tematik hak asasi manusia dalam ASEAN;
- 4.13. Untuk mengemukakan laporan tahunan tentang aktivitinya, atau laporan lain jika dianggap perlu, kepada Mesyuarat Menteri Luar ASEAN; dan



- 4.14. Untuk melaksanakan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diberikan oleh Mesyuarat Menteri Luar ASEAN.

5. KOMPOSISI

Keahlian

- 5.1. AICHR hendaklah terdiri daripada Negara Anggota ASEAN.
- 5.2. Setiap Negara Anggota ASEAN hendaklah melantik seorang Wakil ke AICHR yang akan bertanggungjawab kepada Kerajaan yang melantik.

Kelayakan

- 5.3. Semasa melantik Wakil mereka ke AICHR, Negara Anggota hendaklah memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap kesamarataan jantina, integriti dan kecekapan dalam bidang hak asasi manusia.
- 5.4. Negara Anggota hendaklah, sekiranya diperlukan oleh proses dalaman masing-masing, berunding dengan pihak berkepentingan yang berkenaan dalam melantik Wakil masing-masing ke AICHR.

Tempoh Jawatan

- 5.5. Setiap Wakil berkhidmat untuk tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula secara berturut-turut hanya untuk satu penggal lagi.
- 5.6. Walau apa pun yang terdapat dalam perenggan 5.5, Kerajaan yang melantik boleh memutuskan, mengikut budi bicaranya, untuk menggantikan Wakilnya.

Tanggungjawab

- 5.7. Setiap Wakil, dalam melaksanakan kewajipannya, hendaklah bertindak secara saksama menurut Piagam ASEAN dan TOR ini.
- 5.8. Setiap Wakil hendaklah bertanggungjawab untuk menghadiri mesyuarat AICHR. Jika Wakil tidak dapat menghadiri mesyuarat disebabkan keadaan luar biasa, Kerajaan yang berkenaan hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi AICHR secara rasmi tentang pelantikan wakil sementara dengan mandat penuh untuk mewakili Negara Anggota yang berkenaan.

Pengerusi AICHR

- 5.9. Pengerusi AICHR merupakan Wakil Negara Anggota yang memegang jawatan Pengerusi ASEAN.



- 5.10. Pengerusi AICHR hendaklah menjalankan tugasnya menurut TOR ini, yang termasuk:
- mengetuai penyediaan laporan AICHR dan membentangkan laporan tersebut dalam Mesyuarat Menteri Luar ASEAN;
 - membuat penyelarasan dengan Wakil AICHR di antara beberapa mesyuarat AICHR dan penyelarasan dengan badan ASEAN yang berkaitan;
 - mewakili AICHR dalam acara serantau dan antarabangsa berhubung dengan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia sebagaimana yang diamanahkan oleh AICHR; dan
 - melaksanakan fungsi tertentu lain yang diamanahkan oleh AICHR menurut TOR ini.

Kekebalan dan Keistimewaan

- 5.11. Menurut Perkara 19 Piagam ASEAN, Wakil yang menyertai aktiviti rasmi AICHR akan menikmati kekebalan dan keistimewaan tertentu sebagaimana yang diperlukan bagi menjalankan fungsi mereka.

6. KAEDAH

Membuat keputusan

- 6.1. Membuat keputusan dalam AICHR hendaklah berdasarkan perundingan dan konsensus menurut Perkara 20 Piagam ASEAN.

Bilangan Mesyuarat

- AICHR hendaklah mengadakan dua mesyuarat tetap setahun. Setiap mesyuarat biasanya tidak melebihi lima hari.
- Mesyuarat tetap AICHR hendaklah diadakan secara bersilih ganti di Sekretariat ASEAN dan Negara Anggota yang memegang jawatan Pengerusi AICHR.
- Sebagaimana dan apabila wajar, AICHR boleh mengadakan mesyuarat tambahan di Sekretariat ASEAN atau di tempat yang akan dipersetujui oleh semua Wakil.
- Apabila perlu, Menteri Luar ASEAN boleh mengarahkan AICHR untuk bermesyuarat.



Garis Pelaporan

- 6.6. AICHR hendaklah mengemukakan laporan tahunan dan laporan lain yang bersesuaian kepada Mesyuarat Menteri Luar ASEAN untuk pertimbangannya.

Maklumat Awam

- 6.7. AICHR hendaklah memaklumkan kepada orang ramai secara berkala tentang kerja dan aktivitinya melalui bahan maklumat awam yang sesuai yang dikeluarkan oleh AICHR.

Hubungan dengan Badan Hak Asasi Manusia Lain dalam ASEAN

- 6.8. AICHR ialah institusi penaung hak asasi manusia dalam ASEAN dengan tanggungjawab menyeluruh terhadap penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dalam ASEAN.
- 6.9. AICHR hendaklah bekerjasama dengan semua badan sektoral ASEAN yang berurusan dengan hak asasi manusia bagi menentukan dengan secepat mungkin kaedah untuk penajaran muktamad mereka dengan AICHR. Bagi mencapainya, AICHR hendaklah mengadakan perundingan dengan teliti, menyelaras dan bekerjasama dengan badan-badan tersebut demi meningkatkan sinergi dan koheren dalam penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia ASEAN.

7. PERANAN SETIAUSAHA AGUNG DAN SEKRETARIAT ASEAN

- 7.1. Setiausaha Agung ASEAN boleh membawa isu yang relevan kepada perhatian AICHR menurut Perkara 11.2 (a) dan (b) Piagam ASEAN. Dengan berbuat demikian, Setiausaha Agung ASEAN hendaklah memaklumkan secara serentak kepada Menteri Luar ASEAN berkenaan dengan isu tersebut.
- 7.2. Sekretariat ASEAN hendaklah memberikan sokongan kesetiausahaan yang diperlukan kepada AICHR bagi memastikan pelaksanaannya yang berkesan. Bagi memudahkan sokongan Sekretariat kepada AICHR, Negara Anggota ASEAN boleh, dengan persetujuan Setiausaha Agung ASEAN, menempatkan sementara, pegawai mereka ke Sekretariat ASEAN.

8. PERANCANGAN KERJA DAN PENDANAAN

- 8.1. AICHR hendaklah menyediakan dan mengemukakan Rancangan Kerja untuk program dan aktiviti dengan belanjawan indikatif bagi kitaran lima tahun yang



akan diluluskan oleh Mesyuarat Menteri Luar ASEAN, atas sokongan Jawatankuasa Wakil Tetap ke ASEAN.

- 8.2. AICHR hendaklah juga menyediakan dan mengemukakan belanjawan tahunan bagi menyokong program dan aktiviti keutamaan tinggi, yang akan diluluskan oleh Mesyuarat Menteri Luar ASEAN, atas sokongan Jawatankuasa Wakil Tetap ke ASEAN.
- 8.3. Belanjawan tahunan hendaklah dibiayai atas dasar pembahagian secara sama rata oleh Negara Anggota ASEAN.
- 8.4. AICHR juga boleh menerima sumber daripada mana-mana Negara Anggota ASEAN untuk program belanjawan tambahan tertentu daripada Rancangan Kerja.
- 8.5. AICHR hendaklah juga mewujudkan dana bertempoh tetap yang mengandungi sumbangan sukarela daripada Negara Anggota ASEAN dan sumber lain.
- 8.6. Pendanaan dan sumber lain daripada Negara bukan Anggota ASEAN adalah semata-mata untuk penggalakan hak asasi manusia, pembangunan kapasiti dan pendidikan.
- 8.7. Semua dana yang digunakan oleh AICHR hendaklah diuruskan dan disalurkan selaras dengan peraturan kewangan am ASEAN.
- 8.8. Sokongan kesetiausahaannya untuk AICHR hendaklah dibiayai oleh belanjawan pengendalian tahunan Sekretariat ASEAN.

9. PERUNTUKAN AM DAN AKHIR

- 9.1. TOR ini hendaklah berkuat kuasa setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Menteri Luar ASEAN.

Pindaan

- 9.2. Mana-mana Negara Anggota boleh mengemukakan permintaan rasmi untuk meminda TOR ini.
- 9.3. Permintaan untuk membuat pindaan hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Wakil Tetap ke ASEAN setelah berunding dengan AICHR, dan dikemukakan kepada Mesyuarat Menteri Luar ASEAN untuk kelulusan.
- 9.4. Pindaan tersebut hendaklah mula berkuat kuasa setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Menteri Luar ASEAN.



- 9.5. Pindaan tersebut tidak akan menjelaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan TOR ini sebelum atau sehingga tarikh pindaan tersebut.

Kajian semula

- 9.6. TOR ini hendaklah dikaji semula, lima tahun selepas mula berkuat kuasa. Kajian semula ini dan kajian semula seterusnya hendaklah dijalankan oleh Mesyuarat Menteri Luar ASEAN, dengan tujuan untuk meningkatkan lagi penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dalam ASEAN.
- 9.7. Berhubung dengan perkara ini, AICHR hendaklah menilai kerjanya dan mengemukakan sokongan untuk pertimbangan Mesyuarat Menteri Luar ASEAN tentang usaha masa depan yang boleh dilaksanakan bagi menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia dalam ASEAN selaras dengan prinsip dan tujuan Piagam ASEAN dan TOR ini.

Tafsiran

- 9.8. Apa-apa perbezaan berkenaan dengan tafsiran TOR ini yang tidak dapat diselesaikan hendaklah dirujuk kepada Mesyuarat Menteri Luar ASEAN untuk keputusan.

Diakui sebagai Terjemahan yang Sah daripada
Dokumen yang dibekalkan oleh Pelanggan



Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Institut Terjemahan & Buku Malaysia
Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E,
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
MALAYSIA
www.itbm.com.my
(276206D)

Disahkan bagi pihak ITBM
Che Norhasimah Abd Hamid

Editor Kanan
Tandatangan : 
No. Rujukan : SPF-130340
Tarikh : 17 NOV 2021